

# PERDANA MENTERI MENINJAU PEMBANGUNAN DI SEKITAR PANGKALAN UDARA SENDAYANKUALA LUMPUR, 13 April 17 - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melakukan lawatan kerja ke Pangkalan Udara Sendayan hari ini. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/1788-perdana-menteri-meninjau-pembangunan-di-sekitar-pangkalan-udara-sendayankuala-lumpur-13-april-17-perdana-menteri-datuk-seri-najib-tun-razak-melakukan-lawatan-kerja-ke-pangkalan-udara-sendayan-hari-ini-menteri-pertahanan-datuk-seri-hishammuddin-tun-hussein-bersama-menteri-pertahanan-dan-menteri-besar-negeri-sembrilan-serta-beberapa-menteri-kabinet-untuk-melihat-sendiri-perkembangan-terkini-status-pe](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/1788-perdana-menteri-meninjau-pembangunan-di-sekitar-pangkalan-udara-sendayankuala-lumpur-13-april-17-perdana-menteri-datuk-seri-najib-tun-razak-melakukan-lawatan-kerja-ke-pangkalan-udara-sendayan-hari-ini-menteri-pertahanan-datuk-seri-hishammuddin-tun-hussein-bersama-menteri-pertahanan-dan-menteri-besar-negeri-sembrilan-serta-beberapa-menteri-kabinet-untuk-melihat-sendiri-perkembangan-terkini-status-pe)

KUALA LUMPUR, 13 April 17 - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melakukan lawatan kerja ke Pangkalan Udara Sendayan hari ini. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein bersama Menteri Pertahanan dan Menteri Besar Negeri Sembilan serta beberapa Menteri Kabinet untuk melihat sendiri perkembangan terkini status pembinaan pangkalan berkenaan.



Beliau berkata pangkalan itu bakal menempatkan markas dan pasukan yang berkhidmat di PU Kuala Lumpur di Sungai Besi ketika ini serta penempatan beberapa elemen pentadbiran Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang lain.



PU Sendayan bakal memiliki kemudahan yang lebih moden dan praktikal berbanding PU Kuala Lumpur. Ia bukan sahaja merangkumi aspek pembinaan fasiliti ketenteraan malah aspek pembinaan fasiliti perumahan baharu yang lebih kondusif dan selesa untuk warga TUDM. PU Sendayan ini merupakan sebahagian teras utama hala tuju Kementerian Pertahanan iaitu mengutamakan kebajikan anggota ATM.



Dalam pada itu PU Sendayan bakal menjadi pusat latihan terbesar TUDM dengan keluasan 6.3 juta kaki persegi iaitu tiga kali ganda keluasan PU Kuala Lumpur.



